

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 1

OKTOBER

1 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

PEPERIKSAAN
PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
2020

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1
MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang di sediakan.
4. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi **16** halaman bercetak

- 1 Pilih pernyataan yang paling tepat tentang perakaunan.
 - A Meliputi proses simpan kira sahaja
 - B Perancangan dan kawalan terhadap aktiviti perniagaan
 - C Aktiviti merekod urus niaga berdasarkan sistem catatan bergu
 - D Mencakupi simpan kira, mentafsir dan melapor maklumat kewangan
- 2 Apakah tujuan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) ditubuhkan?
 - A Mengendali latihan dan peperiksaan bagi profesion perakaunan
 - B Menyediakan laporan kewangan untuk sesebuah perniagaan
 - C Menentukan skop dan penggunaan piawaian perakaunan
 - D Melatih akauntan dan juru audit bertauliah
- 3 Manakah organisasi perniagaan yang mempunyai ciri berikut:

- | | |
|--------------|------------------------------|
| • Milikan | : Pemegang saham maksimum 50 |
| • Pengurusan | : Anggota Lembaga Pengarah |
| • Keuntungan | : Dividen |
| • Liabiliti | : Terhad |

- A Perkongsian
 - B Kelab dan Persatuan
 - C Syarikat Awam Berhad
 - D Syarikat Sendirian Berhad
- 4 Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri kualitatif penyata kewangan.

Penyata kewangan ini bebas daripada sebarang kesilapan fakta dan tidak bersifat berat sebelah.

Pilih ciri yang tepat berdasarkan pernyataan di atas.

- A Relevan
 - B Kebolehfahaman
 - C Kebolehbandingan
 - D Kebolehpercayaan

5 Maklumat berikut merujuk kepada Syarikat Tekun Sdn Bhd:

Kerani akaun merekod lekapan pada harga belian RM4 000 walaupun harga pasaran RM3 500.

Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi oleh kerani tersebut?

- A Ketekalan
 - B Prinsip Kos
 - C Usaha Berterusan
 - D Pengiktirafan Hasil dan Belanja
- 6 Antara butir berikut, manakah dikelaskan sebagai aset?
- I Tunai dan Simpanan Tetap
 - II Overdraf bank dan modal
 - III Pelaburan dan pinjaman
 - IV Premis dan inventori
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Manakah di antara akaun kontra berikut **benar** dengan akaun induk?

	Akaun Kontra	Akaun Induk
A	Pulangan Keluar	Jualan
B	Angkutan Masuk	Belian
C	Peruntukan hutang ragu	Akaun Belum Terima
D	Susut nilai	Aset Bukan Semasa

- 8 Kedai Runcit Mesra mengamalkan sistem inventori berkala. Pilih ciri-ciri sistem inventori yang diamalkannya
- I Inventori barang niaga ditentukan melalui pengiraan fizikal
 - II Kaedah ini biasanya digunakan oleh perniagaan bersaiz besar
 - III Inventori barang niaga ditentukan melalui rekod yang terperinci
 - IV Kaedah ini biasanya digunakan oleh perniagaan bersaiz kecil dan sederhana
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 9 Cantik Alat tulis Enterprise menjalankan perniagaan alat tulis.

Belian kabinet RM3 100 secara kredit daripada Perabot Kemas Bhd

Tentukan catatan bergu bagi urus niaga tersebut.

	Debit	Kredit
A	Perabot	Bank
B	Cantik Alat tulis Enterprise	Perabot Kemas Bhd
C	Perabot	Perabot Kemas Bhd
D	Cantik Alat tulis Enterprise	Perabot

- 10 Dokumen apakah yang **tidak** dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli?

- A Invois
- B Nota Kredit
- C Penyata Akaun
- D Pesanan Belian

- 11 Urus niaga manakah yang akan direkodkan dalam Jurnal Khas

- A Ambilan barang niaga untuk promosi
- B Jualan aset bukan semasa secara kredit
- C Pulangan barang niaga kepada pembekal
- D Membawa masuk sebuah perabot untuk kegunaan perniagaan

- 12 Kenalpasti manakah kegunaan lejar yang tepat

- A Mengklasifikasi semua akaun
- B Merekod urus niaga dan pelarasan
- C Menyenarai akaun bagi komponen kos jualan
- D Mengenalpasti baki debit dan kredit setiap akaun

- 13 Manakah yang **tidak** berkaitan dengan Buku Tunai Runcit

- A sistem panjar
- B merekod semua pembayaran
- C mempunyai lajur analisis
- D pengasingan tugas

14 Maklumat berikut di peroleh daripada perniagaan Hafiz Trading:

	RM
• Peruntukan Dana Runcit yang ditetapkan	500
• Baki Tunai Runcit pada 1 Mei 2020	280
• Pembayaran dalam bulan Mei 2020 :	
Belanja pejabat	90
Tambang	35
Pelbagai	60

Hitung amaun maksimum yang boleh dituntut oleh juruwang runcit

- A RM35
- B RM95
- C RM185
- D RM315

15 Pada 1 Julai 2020, Suri Trading memulakan penggunaan Buku Tunai Runcit dengan dana permulaan RM300

Berikut adalah petikan Buku Tunai Runcit bagi bulan Julai 2020

Tarikh 2020	Analisis bayaran				
	Pos	Alat tulis	Tambang	Folio	Pelbagai
Julai 3	27				
5	18		15		
7			45		
15		30			
18				LB5	65
21		15			
24		10			
30	12				

Hitung jumlah bayaran balik yang dituntut pada 31 Julai 2020

- A RM63
- B RM128
- C RM172
- D RM237

16 Berikut ialah Akaun Kawalan Belum Bayar bagi perniagaan Telus Enterprise

Dt			Akaun Kawalan Belum Bayar			Kt		
Tarikh 2020	Butir	Jumlah	Tarikh 2020	Butir	Jumlah			
Jun 30	Bank	4 510	Jun 1	Baki b/b	5 700			
	X	1 990	30	Belian	3 900			
	Baki h/b	3 300		Faedah	200			
		9 800			9 800			

Manakah butir yang **tidak** boleh dicatat sebagai **X**.

- A Kontra
- B Angkutan
- C Pulangan Belian
- D Diskaun Diterima

17 Jenis kesilapan manakah **tidak** akan memberi kesan terhadap keseimbangan Imbangan Duga.

- A Kesilapan terbalik
- B Kesilapan menghitung
- C Kesilapan ketinggalan satu catatan
- D Kesilapan perekodan di sebelah yang sama

18 Pilih pernyataan yang tepat mengenai hasil belum terima.

- I Disenaraikan sebagai hasil di Akaun Untung Rugi
- II Ditunjukkan sebagai Liabiliti Semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan
- III Diambil kira untuk pengiktirafan hasil pada akhir tempoh perakaunan
- IV Hasil yang sepatutnya diterima tetapi belum lagi diterima dalam tahun kewangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Maklumat berikut dipetik daripada buku perniagaan Sukara Enterprise pada 30 Jun 2020

	RM
Akaun Belum Terima	12 800
Hutang Lapuk	300
Peruntukan hutang ragu (pada 1 Julai 2019)	820

Maklumat tambahan: Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih

Hitung jumlah yang akan dikontrakan pada Akaun Belum Terima pada 30 Jun 2020

- A RM180
- B RM195
- C RM625
- D RM640

20 Manakah antara berikut **bukan** merupakan sebab sesuatu aset bukan semasa dilupuskan.

- A Keusangan
- B Peredaran masa
- C Mempunyai nilai ekonomi
- D Berteknologi konvensional

21 Penyata Penyesuaian Bank disediakan selepas Buku Tunai dikemaskini. Perkara manakah **tidak** diambil kira dalam Buku Tunai dikemaskini.

- A Caj bank
- B Cek bulan sebelumnya telah dijelaskan oleh bank
- C Kesilapan catatan di Buku Tunai
- D Pindahan kredit

22 Beri tafsiran bagi pernyataan berikut:

Penerimaan sebenar adalah memuaskan berbanding dengan dibelanjawankan

- A Penerimaan sebenar melebihi penerimaan dalam belanjawan
- B Penerimaan dalam belanjawan melebihi penerimaan sebenar
- C Penerimaan dalam belanjawan sama dengan penerimaan sebenar
- D Penerimaan sebenar kurang daripada penerimaan dalam belanjawan

23 Maklumat perbandingan berikut diperoleh daripada buku Cemara Trading.

	Butir	Belanjawan (RM)	Sebenar (RM)
I	Jualan	15 000	20 000
II	Kadar bayaran	2 800	4 000
III	Komisen Diterima	1 380	880
IV	Gaji dan upah	7 800	6 680

Kenalpasti item yang memberikan tafsiran **memuaskan** bagi Cemara Trading.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Manakah ciri perkongsian yang **tepat**.

- I Liabiliti pekongsi adalah tidak terhad
- II Pekongsi membayar cukai pendapatan perorangan
- III Untung atau rugi hanya boleh dibahagi secara sama rata
- IV Keanggotaan maksimum perkongsian professional ialah 20

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Maklumat berikut diperoleh daripada salah seorang pekongsi sebuah perkongsian.

Pekongsi Dodi:	RM
Modal pada 1 Julai 2019	30 000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2019	1 200 (dt)
Kongsi untung tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020	5 500
Ambilan pada 1 Januari 2020	4 000
Gaji pekongsi telah dibayar sehingga 30 Jun 2020	2 200

- Perkongsian seperti berikut:
- (i) Faedah atas ambilan adalah 8% setahun
 - (ii) Didi berhak untuk menerima gaji RM5 000 setahun

Hitung baki Akaun Semasa Dodi pada 30 Jun 2020

- A RM2 340
- B RM2 940
- C RM4 580
- D RM4 980

26 Akaun Modal berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Ram dan Lia yang membubarkan perkongsian mereka

Dt		Akaun Modal				Kt	
Tarikh	Butir	Ram	Lia	Tarikh	Butir	Ram	Lia
	Realisasi	RM 1 000					

Apakah urus niaga yang **tepat** bagi catatan di atas.

- A Ram mengambil alih aset pada nilai RM1 000
- B Ram membayar belanja realisasi sebanyak RM1 000
- C Modal tambahan dibawa masuk oleh Ram sebanyak RM1 000
- D Untung realisasi sebanyak RM1 000 ke Akaun Ram

27 Rony, Ella dan Murni ialah pekongsi perniagaan REM & Co. yang membahagikan untung atau rugi sama rata. Pada 31 Ogos 2020, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian tersebut.

Aset dan liabiliti perkongsian mereka pada tarikh pembubaran adalah seperti berikut: Free download @soalanpercubaanspm

	RM
Inventori	7 400
Lengkapan	4 200
Bank	2 500
Akaun Belum Terima	2 100
Akaun Belum Bayar	2 200
Modal:	
Rony	6 000
Ella	4 000
Murni	4 000

Berikut adalah perkara yang berlaku semasa proses pembubaran:

- (i) Inventori dan Lengkapan diambil alih oleh Rony pada nilai RM10 200
- (ii) Kutipan daripada Akaun Belum Terima RM2 000
- (iii) Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya RM1 950
- (iv) Belanja pembubaran RM400

Hitung untung atau rugi realisasi yang akan diagih kepada semua pekongsi

- A Untung RM550
- B Untung RM950
- C Rugi RM1 650
- D Rugi RM850

28 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Teguh Berhad

Modal berdaftar:

2 000 000 unit 8% saham keutamaan RM1.00 setiap satu.

5 000 000 unit saham biasa RM0.50 setiap satu.

Syarikat Teguh Berhad telah menerbitkan semua saham keutamaan dan 4 000 000 unit saham biasa pada nilai tara. Kesemua saham yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Hitung jumlah modal berbayar syarikat tersebut.

- A RM2 000 000
- B RM2 500 000
- C RM4 000 000
- D RM4 500 000

29 Apakah jenis modal yang tercatat di bahagian Ekuiti Pemilik sesebuah syarikat berhad.

- I Modal Berdaftar
- II Modal Diterbit dan Berbayar
- III Modal Belum Berbayar
- IV Modal Belum Diterbit

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Berikut adalah maklumat Syarikat Riwite Berhad pada 30 Jun 2020

Modal dibenarkan:	RM
600 000 unit 7% saham keutamaan RM2 sesaham	1 200 000
8 000 000 unit saham biasa RM1 sesaham	8 000 000
Modal diterbitkan:	
600 000 unit 7% saham keutamaan RM2 sesaham	1 200 000
6 000 000 unit saham biasa RM1 sesaham	6 000 000

Lembaga pengarah telah mengisytihar 8% dividen saham biasa bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2020.

Hitung jumlah dividen.

- A RM480 000
- B RM564 000
- C RM576 000
- D RM640 000

31 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Malaysia pada 31 Disember 2019

- Bilangan keanggotaan kelab adalah seramai 580 orang
- Kadar yuran tahunan keanggotaan ialah RM150
- Yuran tahun 2019 diterima dalam tahun 2018 berjumlah RM 4 100
- Yuran tahun 2019 belum lagi diterima pada 31 Disember 2019 berjumlah RM6 600

Hitung yuran yang diterima dalam tahun 2019

- A RM76 300
- B RM80 400
- C RM84 500
- D RM87 000

32 Pilih istilah penyata kewangan bagi kelab dan persatuan dan organisasi perniagaan yang betul.

	Kelab dan Persatuan	Organisasi Perniagaan
A	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	Buku Tunai
B	Lebih pendapatan	Untung Kasar
C	Kurangan pendapatan	Rugi Bersih
D	Dana Terkumpul	Penyata Kedudukan Kewangan

33 Maklumat yang manakah merujuk kepada amalan rekod tak lengkap

- I Semua dokumen sumber ada dalam simpanan
- II Urus niaga dicatat mengikut kaedah catatan tunggal
- III Catatan penerimaan dan pembayaran sahaja yang dibuat
- IV Sistem catatan bergu digunakan untuk merekod urus niaga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Apakah kesan penyimpanan rekod yang tidak lengkap terhadap perniagaan.

- I Untung atau rugi sukar ditentukan
- II Tafsiran keberuntungan tidak tepat
- III Imbangan Duga boleh dilengkapkan
- IV Penyata Kedudukan Kewangan dapat disediakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Data berikut menunjukkan jumlah kos pada tiga tingkat pengeluaran bagi satu produk:

Unit Pengeluaran	Jumlah Kos RM
8 000	44 000
15 000	65 000
11 000	53 000

Hitung kos tetap daripada data di atas.

- A RM12 000
- B RM20 000
- C RM21 000
- D RM50 000

36 Butir manakah yang diambil kira dalam pengiraan kos pengeluaran.

- I Susut nilai kenderaan
- II Gaji operator pengeluaran
- III Duti belian bahan langsung
- IV Angkutan keluar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


37 Maklumat berikut diperolehi daripada pekilang sos cili pada 31 Mei 2020

- Kos berubah pengeluaran sos cili sebotol RM5.00
- Harga jualan sos cili sebotol RM8.00
- 20 000 botol sos cili dikeluarkan bagi mencapai sasaran untung RM15 000

Hitung Kos Tetap.

- A RM45 000
- B RM60 000
- C RM75 000
- D RM85 000

38 Graf berikut menunjukkan Titik Pulang Modal sebuah perniagaan.
Free download @soalanpercubaanspm



Namakan garisan X dan Y

	X	Y
A	Jumlah hasil	Kos tetap
B	Jumlah hasil	Kos berubah
C	Kos tetap	Jumlah hasil
D	Kos berubah	Jumlah hasil

39 Maklumat berikut dipetik daripada buku perniagaan Runcit Sentosa pada 31 Disember 2019

	RM
Belanja operasi	3 610
Modal pada 1 Januari 2019	30 500
Modal pada 31 Disember 2019	36 600
Untung kasar bagi tahun 2019	8 200
Pengurangan Peruntukan hutang ragu	900

Hitung pulangan atas modal

- A 15.00%
- B 18.00%
- C 22.40%
- D 26.89%

40 Maklumat menunjukkan kedudukan modal dan untung bersih sebuah perniagaan runcit bagi empat tahun

Tahun	Modal Awal (RM)	Modal Akhir (RM)	Untung Bersih (RM)
2016	12 000	24 000	4 000
2017	13 000	18 000	6 000
2018	10 000	16 000	3 500
2019	15 000	20 000	7 200

Prestasi terbaik perniagaan adalah pada tahun

- A 2016
- B 2017
- C 2018
- D 2019

SOALAN TAMAT